
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN SELANGOR
(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 008)**

**AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN SELANGOR**
(Kemas kini pada 23 Februari 2023)

Pihak Pengurusan

1. YBrs Sr Shabudin bin Saad
Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor - Pengerusi
2. Sr Khairil Izwan bin Ahmad Arshad
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I - Ahli
3. Sr Fazella Salwa binti Solihin
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II - Ahli
4. Sr Mohamad Fuad bin Kahar
Juruukur Daerah Selangor Timur - Ahli
5. Sr Hafizzuddin bin Mohamed
Juruukur Daerah Selangor Barat - Ahli
6. Sr Mohd Najib bin Hussin
Juruukur Daerah Selangor Utara - Ahli
7. Sr Nur Adlina binti Ramli
Penolong Pengarah Ukur (UHMT) - Ahli
8. Sr Azmaliza binti Kamis
Penolong Pengarah Ukur (SSM) - Ahli
9. Encik Mohd Asmazi bin Mohd Yazid
Penolong Pengarah Ukur (PDUK) - Setiausaha
10. Sr Punithavathy a/p Rana Singam
Penolong Pengarah Ukur (PPK) - Ahli
11. Sr Siti Zuraida binti Kadir
Penolong Pengarah Ukur (KP) - Ahli
12. Puan Lee May Choo
Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) - Ahli
13. Puan Farah Dina Binti Abdullah
Ketua Penbantu Tadbir N29 - Ahli

Pihak Pekerja

1. Encik Mohd Ibrahim bin Rahmad
Penolong Juruukur JA29 - Naib Pengerusi
2. Puan Zaharah binti Mat Nor
Penolong Juruukur JA29 - Setiausaha Bersama
3. Encik Syful Ekhzan bin Jamulidin
Penolong Juruukur JA36 - Ahli
4. Encik Rosmarudi bin Mustafa
Penolong Juruukur JA36 - Ahli
5. Encik Nurizal bin Samuni
Penolong Juruukur JA36 - Ahli
6. Encik Ahmad Zarffri bin Mohd Noor
Penolong Juruukur JA29 - Ahli
7. Encik Mohd Raziman bin Saian
Penolong Juruukur JA29 - Ahli
8. Encik Mohd Norazmi bin Mohamad
Penolong Juruukur JA29 - Ahli
9. Puan Noriah binti Mohd Saleh
Ketua Penbantu Tadbir N19 - Ahli
10. Encik Wan Nasharuddin bin Wan Hasan
Pembantu Awam Gred H16 - Ahli
11. Encik Hanif bin Satari
Ketua Penbantu Tadbir N22 - Ahli
12. Encik Samsul Nizam bin Salbani
Pembantu Awam Gred H14 - Ahli
13. Encik Zakaria bin Othman
Pembantu Awam Gred H11 - Ahli

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN BAGI
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN SELANGOR**

1. KEAHLIAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (selepas ini disebut sebagai "**Majlis**") hendaklah mengandungi 13 ahli yang dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (selepas ini disebut sebagai "**Pihak Pegawai**") dan 12 ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai "**Pihak Pekerja**"). Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor selepas ini disebut sebagai **JUPEM Selangor**.

2. PIHAK PEGAWAI

2.1. Ahli-ahli bagi 'Pihak Pegawai' hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai JUPEM Selangor seperti berikut:-

- | | |
|--|-------------|
| (i) Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor | - Pengerusi |
| (ii) Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I | - Ahli |
| (iii) Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II | - Ahli |
| (iv) Jurukur Daerah Selangor Timur | - Ahli |
| (v) Jurukur Daerah Selangor Barat | - Ahli |
| (vi) Juruukur Daerah Selangor Utara | - Ahli |
| (vii) Penolong Pengarah Ukur (Ukuran Hakmilik) | - Ahli |
| (viii) Penolong Pengarah Ukur (Strata/stratum/marin) | - Ahli |
| (ix) Penolong Pengarah Ukur (NDCDB) | - Ahli |
| (x) Penolong Pengarah Ukur (Penerbitan Peta) | - Ahli |
| (xi) Penolong Pengarah Ukur (Kadaster Pelbagai) | - Ahli |
| (xii) Pegawai Teknologi Maklumat | - Ahli |
| (xiii) Penolong Pegawai Tadbir | - Ahli |

2.2 Pegawai-pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

2.3 Seorang ahli hendaklah dilantik sebagai Setiausaha (Pihak Pengurusan) oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor.

3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam JUPEM Selangor dan dilantik oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di JUPEM Selangor.

3.2 Pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan seperti di bawah:-

- a) 1 orang wakil sebagai Naib Pengerusi.
- b) 1 orang wakil sebagai Setiausaha Bersama.
- c) 2 orang wakil MTSU
- d) 1 orang wakil daripada Tingkat 15, Ibu Pejabat JUPEM Selangor.
- e) 1 orang wakil daripada Tingkat 16, Ibu Pejabat JUPEM Selangor.
- f) 1 orang wakil daripada Tingkat 17, Ibu Pejabat JUPEM Selangor.
- g) 2 orang wakil daripada Pejabat Ukur Daerah JUPEM Selangor Utara.
- h) 2 orang wakil daripada Pejabat Ukur Daerah JUPEM Selangor Timur.
- i) 2 orang wakil daripada Pejabat Ukur Daerah JUPEM Selangor Barat.
- j) 1 orang wakil daripada kakitangan yang menetap di kuarters JUPEM Selangor.

3.3 Naib Pengerusi MBJ dan Setiausaha Bersama bagi Pihak Pekerja akan dilantik di kalangan ahli Pihak Pekerja melalui proses lantikan.

3.4 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada pekerja-pekerja yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu.

3.5 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

4. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi ahli Pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk menjadi Setiausaha Bersama.

5. TUJUAN

5.1 Tujuan Majlis adalah seperti berikut:-

- (i) Untuk memperolehi seluas-luasnya kerjasama antara pihak pengurusan JUPEM Selangor dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji di dalam JUPEM Selangor, dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan.
- (ii) Untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
- (iii) Untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi JUPEM Selangor.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:-

- (i) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan Pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- (ii) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;

- (iii) Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lagi mengenai pengurusan berbagai unit dan cawangan di dalam JUPEM Selangor; dan
- (iv) Mewujudkan satu saluran untuk kakitangan mengemukakan cadangan dan syor untuk memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat.

7. MESYUARAT- MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan 3 bulan sekali.
- 7.2 Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 6 ahli Pihak Pegawai dan 6 ahli Pihak Pekerja.
- 7.3 Surat panggilan mesyuarat hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Bersama kepada pihak masing-masing sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat. Apa-apa usul dan syor dari Pihak Pekerja hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Bersama sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat dan Setiausaha Bersama perlu menyediakan agenda sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Apa-apa usul yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

8. KEPUTUSAN

- 8.1 Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan antara kedua-dua belah pihak.
- 8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain yang tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah disenggarakan atau dilaksanakan terus oleh JUPEM Selangor. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ia hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ibupejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia ataupun kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipersetujui dan diluluskan.

Dikemaskini oleh :
Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ
Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor
Tarikh : 23 Februari 2023